



Sektor Pengurusan IPTS,
Jabatan Pengurusan IPT,
Kementerian Pengajian Tinggi Malaysia,
Aras Bawah dan Aras 5, Blok 1 Menara PjH,
Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan,
Presint 2, 62100 PUTRAJAYA.



Tel : 603-8883 5000
603-8884 4600
Fax : 603-8884 4794
Web : <http://www.mohe.gov.my>

Ruj.Kami: KPT(JPS)100-4/2 (II)
Tarikh: 13 September 2007

Semua Ketua Eksekutif
Institusi Pendidikan Tinggi Swasta
Bertaraf Universiti dan Kolej Universiti.

Y.Bhg. Tan Sri/Dato'/Datuk/Datin/Profesor/Tuan/Puan,

**SURAT PEKELILING PENTADBIRAN, SEKTOR PENGURUSAN
INSTITUSI PENDIDIKAN TINGGI SWASTA, KEMENTERIAN
PENGAJIAN TINGGI BIL. 6/2007**

**Pemberitahuan Berhubung Kriteria Dan Proses Pelantikan Ke
Jawatan Profesor Dan Profesor Madya di Universiti dan Kolej
Universiti Swasta**

Surat Pekeliling ini di keluarkan dengan tujuan untuk memaklumkan kepada semua Ketua Eksekutif institusi pendidikan tinggi swasta bertaraf universiti dan kolej universiti berhubung kriteria dan proses pelantikan ke jawatan Profesor dan Profesor Madya di Universiti dan Kolej Universiti swasta.

2. Kementerian Pengajian Tinggi telah memutuskan bahawa satu kriteria dan proses pelantikan ke jawatan profesor dan profesor madya di universiti dan kolej universiti swasta perlu diselaraskan supaya ia memenuhi prosedur-prosedur tertentu selaras dengan pelantikan jawatan akademik ini di institusi pendidikan tinggi awam (IPTA). Senarai kriteria adalah seperti di **LAMPIRAN 1**.

3. Sehubungan dengan ketetapan tersebut, Kementerian telah bersetuju supaya kriteria dan proses pelantikan ke jawatan Profesor dan Profesor Madya yang di keluarkan oleh Kementerian diguna pakai di semua universiti dan kolej universiti swasta. Pihak pengurusan universiti dan kolej universiti hendaklah menganugerahkan jawatan Profesor dan Profesor Madya kepada **calon-calon yang layak sahaja serta calon telah mencapai tahap kecemerlangan akademik yang istimewa mutunya serta telah**

memenuhi syarat-syarat lain yang ditetapkan oleh Majlis Universiti atau Kolej Universiti serta diperakukan oleh Ketua Jabatan masing-masing. Kriteria-kriteria lain seperti pengajaran dan penyeliaan, penyelidikan dan penerbitan, perundingan dan kepakaran dan khidmat dan kepimpinan akademik (kepada institusi/masyarakat dan negara) hendaklah dipenuhi sebelum calon boleh dipertimbangkan ke jawatan tersebut.

4. Bagi individu yang telah dilantik ke jawatan Profesor dan Profesor Madya tanpa memenuhi kriteria dan melalui proses yang ditetapkan, **pihak pengurusan institusi adalah dipohon untuk menilai semula penganugerahan jawatan tersebut** supaya ianya selaras dengan kriteria dan proses yang di keluarkan oleh Kementerian.

5. Keputusan Kementerian ini adalah bagi memastikan hanya mereka yang layak dan berkualiti sahaja yang wajar dilantik ke jawatan Profesor dan Profesor Madya.


6. Semua universiti dan kolej universiti hendaklah mengemukakan bilangan pensyarah mengikut kategori seperti pensyarah kanan, Profesor dan Profesor Madya kepada Kementerian Pengajian Tinggi setiap enam (6) bulan iaitu **sebelum 30 Jun dan 31 Disember** setiap tahun.

7. Surat Pekeliling ini berkuat kuasa serta merta.

Sekian, terima kasih.

"BERKHIDMAT UNTUK NEGARA"

"SEKTOR PENGURUSAN IPTS PENJANA PENDIDIKAN BERTARAF DUNIA"



(DR MOHAMED RASHID BIN NAVI BAX)

Timbalan Ketua Pengarah,

Sektor Pengurusan IPTS,

Jabatan Pengajian Tinggi,

Kementerian Pengajian Tinggi Malaysia.

No. Tel: 03-88844714 No. Faks: 03-8884479

LAMPIRAN 1

KRITERIA DAN PROSES PERLANTIKAN KE JAWATAN PROFESOR MADYA DAN PROFESOR DI UNIVERSITI/KOLEJ UNIVERSITI SWASTA

Pelantikan Ke Jawatan Prof. Madya Dan Profesor Di Semua Universiti Dan Kolej Universiti Swasta Hendaklah Berdasarkan Kriteria-Kriteria Berikut:-

A. Kelayakan dan Pengalaman (Umum)

Pensyarah universiti/kolej universiti swasta adalah layak dipertimbangkan ke jawatan Profesor Madya dan Profesor apabila telah :

- a. Mencapai tahap kecemerlangan akademik yang istimewa mutunya dan syarat-syarat lain yang munasabah yang ditetapkan oleh Majlis Universiti
- b. Berpengalaman mengajar sekurang-kurangnya selama 5 tahun
- c. Berjawatan tetap di universiti/kolej universiti terbabit dan telah disahkan dalam perkhidmatan
- d. Diperakukan oleh Ketua Jabatan/Dekan

B. Kriteria pelantikan ke jawatan Prof.Madya dan Profesor

Selain daripada kelayakan seperti yang dinyatakan di atas, penilaian calon-calon untuk ke jawatan Profesor Madya dan Profesor hendaklah di asaskan kepada kriteria-kriteria seperti yang ditetapkan oleh Kementerian Pengajian Tinggi seperti berikut:-

1. Pengajaran dan Penyeliaan

1.1 Kategori ini mengukur tugas rasmi pensyarah . Aspek pengajaran yang dinilai termasuklah kuantiti, kualiti dan keupayaan pengajaran. Misalnya:-

- (a) **Kuantiti Pengajaran** termasuklah jumlah jam pengajaran setiap semester atau bilangan penuntut bagi setiap kursus yang diajar.

(b) **Kualiti Pengajaran** termasuklah -

- i. Penyediaan bahan pengajaran (bahan kuliah dan sebagainya), kaedah dan teknik pengajaran
- ii. Kecekapan pemeriksaan
- iii. Penilaian kualiti oleh pelajar
- iv. Penghasilan bahan pengajaran untuk meningkatkan kualiti pengajaran seperti menerbitkan karya asli sebagai buku teks, menghasilkan audio, video dan bahan pengajaran berbentuk elektronik seperti penggunaan web site, nota *online*, nota berbentuk CD-ROM dan lain-lain lagi.

(c) **Keupayaan pengajaran** pula merangkumi bilangan dan kepelbagaian kursus yang diajar misalnya antara disiplin (*across discipline areas*), sub-discipline dan disiplin yang berbeza.

- 1.2 Penilaian juga diberikan kepada kaedah pengajaran yang berkesan yang bertumpu kepada hasil pembelajaran (*learning outcomes*) dalam bentuk pengetahuan, kefahaman, kemahiran dan sikap pelajar.
- 1.3 Penilaian pengajaran turut diberikan kepada kemampuan pensyarah untuk menggalakkan proses pembelajaran yang aktif di kalangan pelajar, mengintegrasikan objektif dan proses pengajaran dengan penilaian (*assessment*) dan responsif kepada penggunaan teknologi baru dalam pengajaran.
- 1.4 Sumbangan dalam aspek penyeliaan termasuklah melaksanakan tanggungjawab penyeliaan dengan jumlah peruntukan masa dan kecemerlangan panduan kepada pelajar dalam penyelidikan dan memberi maklum balas yang membina (*constructive feedback*) dan menggalakkan perkembangan kemampuan pelajar untuk menjalankan penyelidikan secara persendirian dengan jaya nya,
- 1.5 Aspek penyeliaan juga dinilai merangkumi penyeliaan pada peringkat diploma, ijazah pertama dan ijazah lanjutan. Ianya termasuklah penyeliaan Latihan Ilmiah di Tahun Akhir, penyeliaan calon Sarjana dan calon kedoktoran.

1.6 Aspek penyeliaan yang dinilai turut melibatkan kuantiti, kualiti dan keupayaan penyeliaan. Sebagai contoh:-

- (a) **Kuantiti penyeliaan** termasuklah bilangan pelajar yang diselia dan jumlah jam penyeliaan
- (b) **Kualiti penyeliaan** termasuklah keupayaan tesis pelajar disiapkan dan berjaya dan penerbitan tesis atau bahagian=bahagian tertentu
- (c) **Keupayaan penyeliaan** merangkumi kepelbagaian tajuk dan bidang penyelidikan yang diselia.

(2) Penyelidikan dan Penerbitan

2.1 Kriteria ini mencerminkan keunggulan, kecemerlangan dan keserjanaan pensyarah dalam bidang penyelidikan dan penerbitan.

2.2 Hasil penyelidikan yang dinilai adalah berdasarkan penyelidikan yang telah selesai dijalankan dan penyelidikan yang sedang dijalankan. Manakala, hasil penerbitan pula berdasarkan jumlah yang berjaya diterbitkan dan di peringkat suntingan terakhir.

2.3 Sumbangan dalam aspek penyelidikan merangkumi jumlah penyelidikan yang telah selesai dan sedang dijalankan. Penyelidikan yang dijalankan termasuklah:-

- (a) Penyelidikan tanpa dana
- (b) Penyelidikan dana dalaman universiti/kolej universiti
- (c) Penyelidikan dana kerajaan (e.g IRPA)
- (d) Penyelidikan dana antarabangsa

2.4 Aspek penyelidikan yang dinilai juga melibatkan kuantiti dan kualiti. Misalnya:-

- (a) Kuantiti penyelidikan termasuklah:
 - i. Jumlah penyelidikan biayaan sendiri
 - ii. Jumlah penyelidikan dana kerajaan tempatan
 - iii. Jumlah penyelidikan dana antarabangsa
 - iv. Jumlah penyelidikan yang telah selesai dan sedang dijalankan

(b) Kualiti penyelidikan pula termasuklah:-

- i. Sumbangan dan peranan pensyarah sebagai ketua kumpulan penyelidik
- ii. Pensyarah sebagai perunding , *reviewer* atau penilai untuk aktiviti penyelidikan.
- iii. Pemberian *full paten* di mana pensyarah merupakan pemula (*initiator*) pencipta (*inventor*)
- iv. Pengiktirafan kepada pensyarah melalui penerimaan geran penyelidikan tempatan/antarabangsa, *award*, *fellowship*, *scholarship* dan sebagainya.
- v. Pengiktirafan kepada pensyarah apabila dijemput sebagai pembentang berdasarkan penemuan dan kepakaran penyelidikannya.

2.5 Sumbangan dalam aspek penerbitan merangkumi jumlah penerbitan yang telah berjaya dan sedang dalam proses untuk diterbitkan.

2.6 Aspek penerbitan yang dinilai juga melibatkan kuantiti dan kualiti. Misalnya:-

(a) Kuantiti penerbitan termasuklah:-

- i. Bilangan hasil yang telah diterbitkan
- ii. In Press (dalam proses penerbitan)
- iii. Bilangan manuskrip buku yang lengkap dengan semua pembedaan kepada manuskrip asal seperti diminta oleh penerbit untuk diterbitkan
- iv. Bilangan jurnal/artikel yang telah diterbitkan dan telah diterima dengan pembedaan yang lengkap (**Bukti untuk menunjukkan bahawa artikel telah di terima secara rasmi untuk penerbitan diperlukan*)
- v. Penerbitan modul pengajaran

(b) Kualiti penerbitan pula termasuklah:-

- i. Karya asli dan terjemahan di peringkat universiti/kolej universiti
- ii. Buku akademik yang bersifat ilmiah di peringkat universiti /kolej universiti
- iii. Bab-bab dalam buku teks
- iv. Bab-bab dalam ensiklopedia dan buku akademik yang bersifat ilmiah
- v. Makalah/artikel ilmiah dalam jurnal bertaraf antarabangsa

- vi. Ulasan-ulasan buku ilmiah (*book review*) dalam jurnal akademik
- vii. Artikel berdasarkan kecemerlangan ilmu dalam majalah, akhbar dan lain-lain lagi bagi rujukan masyarakat awam
- viii. Monograf
- ix. Prosiding

2.7 Pertimbangan yang sama diberikan kepada penerbitan dalam Bahasa Malaysia, Bahasa Inggeris dan Bahasa Ketiga (seperti Bahasa Mandarin, Bahasa Tamil, Bahasa Jepun, Bahasa Korea, Bahasa Jerman, Bahasa Perancis, Bahasa Arab dan lain-lain lagi).

2.8 Penilaian yang berbeza diberi kepada artikel dalam *referred journal*, sama ada tempatan atau antarabangsa dan kedudukan/reputasi jurnal yang diterbitkan.

(a) Buku/jurnal yang diterbitkan dalam *peer review indexed* jurnal di peringkat tempatan, antarabangsa dan diagihkan mengikut impak iaitu rendah, pertengahan dan tinggi.

(b) Jurnal impak tinggi, pertengahan dan rendah adalah seperti yang tersenarai dalam *Report of Citation Index*.

2.9 Tahap peratusan sumbangan turut dikira. Ianya merangkumi perkara-perkara seperti berikut:-

(a) Karya sendiri/karya bersama (menurut peratusan sumbangan)

(b) Terjemahan sendiri/terjemahan bersama (menurut peratusan sumbangan)

(c) Suntingan sendiri/suntingan bersama (menurut peratusan sumbangan)

3. Persidangan

3.1 Aktiviti persidangan menjadi pengukur utama kecemerlangan pensyarah dalam aspek *knowledge disseminations* di dalam negara dan di peringkat antarabangsa.

3.2 Bilangan pensyarah membentangkan penemuan penyelidikan di persidangan tempatan peringkat nasional dan antarabangsa, ataupun di persidangan antarabangsa untuk pengukuhan dan pengiktirafan kecemerlangan.

3.3 Sumbangan dalam aspek persidangan termasuklah:-

- (a) menjadi pembentang jemputan (*plenary speaker, invited speaker, keynote address*) dengan tajaan luar
- (b) menjadi *discussant* jemputan, dengan tajaan luar
- (c) menjadi pengerusi jemputan, dengan tajaan luar
- (d) menjadi pembentang jemputan, dengan tajaan universiti/kolej universiti
- (e) menjadi *discussant* jemputan, dengan tajaan universiti/kolej universiti
- (f) menjadi pengerusi jemputan, dengan tajaan universiti/kolej universiti
- (g) menjadi peserta, dengan tajaan universiti/kolej universiti
- (h) menjadi peserta, biayaan sendiri
- (i) menjadi penganjur persidangan
- (j) menganggotai Jawatankuasa Persidangan di peringkat pusat (*main committee*) dan peringkat penganjuran (*organizing committee*)
- (k) menghasilkan poster untuk persidangan

4. Perundingan dan Kepakaran

- 4.1 Kategori ini mengukur pengiktirafan institusi luar atau pelanggan dari dalam dan luar negara terhadap kecemerlangan pensyarah dari segi kepakaran akademiknya. Pensyarah dilantik sebagai perunding dan pakar rujuk (*consultant*) dalam bidang-bidang tertentu. Pelantikan sebagai perunding dan pakar rujuk merupakan pengiktirafan kepada kepakaran pensyarah. Ini juga dapat memartabatkan nama universiti/kolej universiti di peringkat antarabangsa.

- 4.2 Sumbangan dalam aspek perundingan yang melibatkan imbuhan kewangan boleh menjana pendapatan kepada universiti dan pensyarah. Perundingan tanpa imbuhan kewangan juga turut dinilai kerana ini merujuk kepada projek-projek yang berbentuk khidmat kepada masyarakat dan pensyarah tidak mengambil keuntungan dari projek tersebut.
- 4.3 Perundingan yang melibatkan imbuhan kewangan merangkumi perkara-perkara seperti berikut:-
- (a) Perunding kepada kepakaran akademik dan penyelidikan
 - (b) Perundingan industri modal “*venture*”
 - (c) Perunding kepada projek industri
- 4.4 Sumbangan dalam aspek kepakaran yang tidak melibatkan imbuhan kewangan adalah bersifat profesional dan pengiktirafan kepakaran pensyarah. Antaranya termasuklah:
- (a) Keanggotaan/Keahlian dalam badan profesional dan akademik
 - (b) Keanggotaan/Keahlian Lembaga Editor jurnal
 - (c) Penyunting (*Editor*) dan pengulas (*Reviewer*) jurnal
 - (d) Pemeriksa tesis dan penilai luar
 - (e) Pensyarah pelawat, *fellow*
 - (f) Penglibatan/Kegiatan dalam badan profesional akademik dan bukan akademik
 - (g) Rujukan sebagai penasihat pakar
 - (h) Perunding kepada projek masyarakat

5. Khidmat, Sanjungan dan Kepimpinan Akademik (kepada Institusi/ Masyarakat/Negara)

- 5.1 Kategori ini mengukur sumbangan pensyarah kepada institusi (pentadbiran), masyarakat dan negara. Misalnya, di peringkat institusi, pensyarah dilantik ke jawatan pentadbiran berdasarkan kepimpinan, pengalaman dan kecemerlangan dalam aspek pengurusan, serta sahsiah peribadi. Manakala, sumbangan di peringkat masyarakat dan negara pula merupakan sanjungan di atas kepimpinan akademik, ketokohan, kewibawaan dan kepakaran yang dipamerkan oleh pensyarah.
- 5.2 Sumbangan dalam aspek pentadbiran, termasuklah:-
- i. Pelantikan sebagai Naib Canselor/Rektor/Presiden/CEO
 - ii. Pelantikan sebagai Timbalan Naib Canselor/Timbalan Rektor/Timbalan Presiden/Timbalan CEO

- iii. Pelantikan sebagai Dekan dan Timbalan Dekan, Pengarah dan Timbalan Pengarah, Ketua Jabatan dan Ketua Program dan lain-lain lagi
- iv. Pelantikan untuk jawatan sebagai fellow akademik
- v. pelantikan Ahli Jawatankuasa Universiti dan Fakulti
- vi. Pelantikan di agensi Kerajaan (Kementerian, Badan Berkanun)
- vii. Pelantikan ahli Majlis yang dibentuk oleh Kerajaan
- viii. Pelantikan bukan akademik , badan profesional, NGO dan lain-lain.

5.3 Sumbangan dalam aspek kemasyarakatan merangkumi bidang-bidang seperti berikut:-

- i. Penglibatan dalam aktiviti kemajuan ilmu dan pendidikan anjuran kerajaan dan badan-badan separa kerajaan atau bukan kerajaan
- ii. Kegiatan atau aktiviti yang mempertingkatkan kualiti hidup masyarakat atau *community groups*
- iii. Sumbangan dari segi kepimpinan dalam pembangunan program pendidikan berterusan
- iv. Ceramah/forum peningkatan dan pengembangan ilmu kepada masyarakat

5.4 Sumbangan kepada negara dari segi kecemerlangan ilmu termasuklah apabila pensyarah mendapat pengiktirafan kerajaan dan dilantik menganggotai jawatankuasa di peringkat nasional dan antarabangsa seperti dalam pembentukan polisi negara, perundingan dengan agensi-agensi kerajaan pusat, kerajaan luar negara dan sebagainya.

(C) Pemarkahan Untuk Pertimbangan

- (i) Kesemua kriteria dikuantifikasinya dengan menggunakan markah supaya pengiraan dapat dibuat oleh pihak penilai dan juga pihak calon. Markah bagi pelantikan ke jawatan Profesor Madya dan Profesor di universiti/kolej universiti swasta ditetapkan seperti berikut:-

Markah Maksima Prof. Madya dan Profesor	----	100%
Markah Minima Prof. Madya	----	75%
Markah Minima Profesor	----	80%

(ii) Julat markah yang disyorkan adalah seperti berikut:-

Kriteria	Peringkat	
	Profesor Madya	Profesor
Pengajaran dan Penyeliaan	25 - 40	20 - 30
Penyelidikan dan Penerbitan	15 - 30	25 - 35
Perundingan dan Kepakaran	5 - 10	10 - 15
Persidangan	5 - 10	5 - 10
Khidmat , Sanjungan Dan Kepimpinan Akademik	5 - 10	5 - 10

(D) Proses Dan Prosedur

- (i) Prosedur di dalam menjalankan proses pemilihan untuk ke jawatan Profesor Madya dan Profesor hendaklah seragam, teliti dan telus untuk menjamin keadilan kepada pensyarah yang betul-betul layak dan cemerlang. Peluang seluas-luasnya diberikan kepada pensyarah yang layak untuk menawarkan dirinya untuk dipertimbangkan. Pihak universiti/kolej universiti boleh mencalonkan mana-mana pensyarah untuk dipertimbangkan ke jawatan Profesor Madya dan Profesor berdasarkan kecemerlangan luar biasa.
- (ii) Proses bermula apabila pensyarah menyerahkan borang permohonannya setelah ia mencukupi syarat-syarat asas yang telah di tetapkan oleh universiti/kolej universiti. Fakulti akan memajukan permohonan kepada Pejabat Pendaftar untuk memastikan pensyarah benar-benar layak dan memenuhi syarat yang telah ditetapkan.
- (iii) Universiti/kolej universiti hendaklah membentuk **kumpulan pakar (*peer review*)** untuk membuat penilaian terhadap permohonan yang telah dimajukan mengikut bidang kepakaran seperti kejuruteraan, sains sosial, perniagaan dan lain-lain. Laporan yang disediakan akan dimajukan untuk tapisan di peringkat universiti/kolej universiti untuk di senarai pendekkan.
- (iv) Mereka yang di senarai pendekkan akan dinilai oleh **pemeriksa luar** yang terdiri dari pakar-pakar terkemuka dalam bidang berkaitan.

Bilangan penilai bagi jawatan Profesor Madya hendaklah tidak kurang daripada tiga orang penilai luar, sekurang-kurangnya seorang penilai luar negara dan dua dalam negara dan kesemua hendaklah menjawat jawatan sekurang-kurangnya setaraf dengan jawatan yang dinilai.

Manakala, bagi jawatan Profesor hendaklah tidak kurang daripada tiga penilai luar, dua dari luar negara dan seorang dari dalam negara, dan kesemua hendaklah menjawat jawatan sekurang-kurangnya setaraf jawatan yang dinilai.

- (v) Jawatankuasa Pemilihan Universiti/Kolej Universiti yang dipengerusikan oleh Ketua Eksekutif/Naib Canselor akan membuat perakuan pelantikan Profesor Madya dan Profesor kepada Lembaga Pengarah Universiti (LPU) untuk diluluskan. Bagi pelantikan ke jawatan Profesor, kelulusan LPU hendaklah di maklumkan kepada Kementerian Pengajian Tinggi.

- (E) Semua universiti dan kolej universiti hendaklah mengemukakan bilangan pensyarah mengikut kategori seperti pensyarah kanan, profesor dan profesor madya kepada Kementerian Pengajian Tinggi setiap enam (6) bulan iaitu sebelum 30 Jun dan 31 Disember .

- s.k
1. Menteri Pengajian Tinggi Malaysia.
 2. Timbalan Menteri Pengajian Tinggi Malaysia
 3. Setiausaha Parlimen
Kementerian Pengajian Tinggi Malaysia
 4. Ketua Setiausaha
Kementerian Pengajian Tinggi Malaysia.
 5. Ketua Pengarah ,
Jabatan Pengajian Tinggi,
Kementerian Pengajian Tinggi.
 6. Timbalan Ketua Pengarah,
Sektor Pegurusan IPTA,
Jabatan Pengajian Tinggi,
Kementerian Pengajian Tinggi.
 7. Setiausaha Bahagian,
Bahagian Penyelarasan Dasar,
Kementerian Pengajian Tinggi Malaysia.
 8. Ketua Eksekutif
Lembaga Akreditasi Negara (LAN)
 9. Ketua Eksekutif,
Perbadanan Tabung Pendidikan Tinggi Negara (PTPTN).
 10. Penasihat Undang-Undang.
Kementerian Pengajian Tinggi Malaysia
 11. Pegawai Perhubungan Awam
Kementerian Pengajian Tinggi Malaysia.
 12. Setiausaha Sulit Kanan (SUSK)
YB Menteri Pengajian Tinggi .

13. Pengarah,
Bahagian Pendaftaran dan Piawaian,
Sektor Pengurusan IPTS,
Jabatan Pengajian Tinggi,
Kementerian Pengajian Tinggi.

14. Pengarah,
Bahagian Penguatkuasaan dan Inspektorat,
Sektor Pengurusan IPTS,
Jabatan Pengajian Tinggi,
Kementerian Pengajian Tinggi.